

Sokong guna bahasa

UM 18 JUN 2002

KUALA LUMPUR 17 Jun — Tokoh-tokoh pendidik di negara ini menyambut baik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains diajar dengan menggunakan bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak mulai tahun depan.

Bagaimanapun kata mereka, persediaan dan

persiapan rapi perlu digerakan di segenap organisasi khususnya di kalangan guru dan para pelajar terbabit.

Tokoh Pendidik **Tan Sri Abdul Rahman Arshad** berkata, pihak yang terbabit harus melakukan kajian secara teliti dan menyeluruh mengenai kesan pelaksanaan program tersebut.

Beliau berkata, paling penting ialah menyedia-

kan guru-guru yang terlatih.

"Kita kena menyediakan kursus intensif bahasa Inggeris terhadap guru-guru yang mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Abdul Rahman berkata, selain fasih berbahasa Inggeris, guru-guru berkenaan juga harus mahir menyampaikan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa tersebut.

"Ini kerana pada masa ini guru-guru terbabit sudah biasa menyampaikan pengajaran kedua-dua mata pelajaran dalam bahasa Melayu.

Oleh itu bagi memenuhi hasrat kerajaan mereka kini kena menguasai bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri yang mahukan pengajaran mata pelaja-

Inggeris serentak

ran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak mulai tahun depan.

Selain daripada itu kata Abdul Rahman, langkah yang perlu dilakukan ialah mengadakan latihan secara berterusan di kalangan guru-guru terbabit.

Ini kerana ilmu pendidikan merupakan satu perkara yang sentiasa berkembang dan berubah-

ubah mengikut peredaran masa.

Seorang lagi tokoh pendidik, **Tan Sri Awang Had Salleh** berkata, tujuan Perdana Menteri itu memang amat murni iaitu untuk melahirkan golongan pelajar bernilai ekonomi tinggi.

Beliau berkata, bagi melaksanakan pengajaran tersebut ia sebenarnya memerlukan kajian secara menyeluruh bagi menda-

patkan hasil yang diharapkan.

"Bagaimanapun jika kerajaan terdesak untuk melaksanakan program tersebut dalam jangka waktu yang suntuk ini, mereka seharusnya tidak mengepikan begitu sahaja kajian menyeluruh yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan," jelas Awang Had.